



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	BERGOLOK GADAI NAMU RUGI BENIH KERANG DICURI, LOKAL, HM -21 20 PENGUSAHA KERANG DAKWA RUGI BESAR, NEGERI SELANGOR/KL, SH -22 FISHING BOAT DETAINED FOR VIOLATING LICENSE, HOME, BORNEO POST (KK) -3 ON COLLISION COURSE, MUKA DEPAN, THE STAR -1 FISHERMEN: VESSELS POLLUTING WATERS, NEWS, THE STAR -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	FAMA SELLING MORIS PINEAPPLES AT RM1 EACH TO ADDRESS DUMPING ISSUES, NATION, THE STAR -8 NANAS MORRIS RM1 SEBII ATASI LAMBAKAN, NEGARA, KOSMO -16 FAMA BANTU ATASI MASALAH LAMBAKAN NANAS, NASIONAL, SH -7 MELAKA BANTU PASARKAN LAMBAKAN NANAS JOHOR, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	SISTEM PERPARITAN MADA BERMASALAH?, DALAM NEGERI, UM -10	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18.	RM4.79 BILION UNTUK PETANI DAN PENTERNAK, HAKAKAH ONLINE -ONLINE INDUSTRI PERIKANAN LUMPUH, MUKA DEPAN, UM -1&3 BELIA TOLAK KERJAYA NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -11 BEKALAN KURANG, HARGA IKAN MELAMBUNG, DALAM NEGERI, UM -11 KERAJAAN PERLU BANTU BASMI ISU PESAWAH MISKIN, FORUM, UM-18 PEMBENTUNG ROSAK MUSNAH TANAMAN, DALAM NEGERI, UM -31 COVID-19: KOMUNITI NELAYAN TERNAK KETAM NIPAH, NEGERI P.PINANG/KEDAH, SH -24 FISHERMEN TURN TO CRAB-BREEDING, NATION, THE STAR -19	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Sungai Besar: “Ada sebahagian peserta lot kerang terpaksa menjual rumah dan berhutang semata-mata ingin mendapatkan modal membeli benih kerang.

“Malangnya, selepas benih ditabur di kawasan lot kebun kerang, hasil pencarian kami pula ‘dirompak’ pihak tidak bertanggungjawab,” kata pengusaha lot kebun kerang, Kee Oie Song, 72.

Terdahulu, Oie Song dan 19 pengusaha lain di pesisir pantai Sungai Besar di sini, mendakwa kerugian ratusan ribu ringgit berikutan kegiatan mencuri benih kerang dan kerang dewasa yang berleluasa sejak lebih lima tahun lalu.

Menurut Oie Song, dia dan rakan yang mengusahakan tujuh lot kebun kerang seluas 350 hektar kerugian akibat kegiatan itu.

“Pendapatan hasil kutipan kerang merosot teruk dan tidak setimpal dengan modal yang dikeluarkan pengusaha RM500,000 bagi membeli benih kerang untuk aktiviti penaburan induk kerang di lokasi pembiakan.

“Apa yang membimbangkan, kegiatan (mencuri benih kerang) ini semakin berleluasa. Sebelum ini, kami mampu menangkap 80 guni kerang dewasa sehari, tetapi sekarang hendak dapat 10 guni pun susah,” katanya ketika ditemui, semalam.

Dakwanya, tindakan pihak berkenaan yang mencuri benih kerang itu dipercayai in-

Bergolok gadai namun rugi benih kerang dicuri



OIE Song (kanan) bersama dua rakan menunjukkan laporan polis dan aduan kepada Jabatan Perikanan yang dibuat.

gin diseludup ke Thailand berikutan mendapat permintaan tinggi.

“Harga benih kerang yang tinggi (di Thailand) menjadi punca aktiviti pencurian (benih kerang) semakin menjadi-jadi di kawasan (kebun kerang),” katanya.

Bagi Chia Siw King, 70, lot kebun kerang diusahakan secara bersama sebelum 2008 menjadi sumber pendapatannya selama ini.

“Saya memang bergantung kepada sumber pendapatan hasil kebun kerang, tetapi apabila hasil merosot saya turut merasainya,” katanya.

Menurutnya, pencerobohan mencuri benih kerang

tanpa kawalan itu dilakukan pihak tidak bertanggungjawab menggunakan bot roto.

“Ia berlaku pada waktu malam dan awal pagi dan dilakukan dalam kumpulan yang ramai hingga sukar dibendung,” katanya.

Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bagan Sungai Besar, Sia Chock Sung menggesa Jabatan Perikanan supaya lebih tegas dalam menangani isu pencerobohan benih kerang.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Selangor, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan lanjut berhubung dakwaan itu.

20 pengusaha kerang dakwa rugi besar

Kegiatan mencuri
benih kerang semakin
menjadi-jadi

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SUNGAI BESAR

Kira-kira 20 pengusaha lot kebun kerang di Pesisir Pantai Sungai Besar di sini mendakwa mengalami kerugian akibat kegiatan mencuri benih kerang sejak lebih lima tahun lalu.

Kee Oie Song, 72, yang mengusahakan tujuh lot kebun kerang seluas 350 hektar berkata, kegiatan pencuri semakin berleluasa di kawasan itu.

Menurutnya, pendapatan kutipan kerang merosot teruk dan tidak setimpal dengan modal pengusaha iaitu kira-kira RM500,000 bagi membeli benih untuk aktiviti penaburan induk kerang di lokasi pembiakan.

"Ada sebahagian peserta lot kerang terpaksa menjual rumah dan berhutang semata-mata ingin mendapatkan modal tetapi malangnya hasil pencarian kami pula dirompak pihak tidak bertanggungjawab selepas benih ditabur.

"Kegiatan ini semakin membimbangkan. Sebelum ini kami mampu mengeluarkan 80 guni kerang dewasa sehari tetapi sekarang 10 guni pun susah," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Rabu.



Oie Song (tengah) bersama-sama dua lagi pengusaha kebun kerang menunjukkan laporan polis dan aduan kepada Jabatan Perikanan berkenaan pencerobohan di lot kebun kerang diusahakan di Pesisir Pantai Sungai Besar pada Rabu.

Oie Song mendakwa kegiatan itu berleluasa kerana dipercayai ada pihak menyeludup ke Thailand kerana permintaan tinggi selain harga benih kerang yang tinggi di negara itu.

Seorang lagi penternak, Chia Siw King, 70, berkata, lot kebun kerang yang diusahakannya secara bersama sebelum 2008 itu menjadi sumber pendapatannya.

"Tetapi kini hasil kerang merosot. Kegiatan mencuri benih kerang tanpa kawalan itu dilakukan pihak terbabit menggunakan bot roto dan enjin bot melalui dasar tanah serta lumpur mengakibatkan kemusnahan kerang dewasa," katanya.

Siw King mendakwa kegiatan mencuri hidupan laut terutama pada waktu malam dan awal pagi itu dilakukan dalam kumpulan yang ramai.

Sementara itu, Pengerusi

Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bagan Sungai Besar, Sia Chock Sung berkata, Jabatan Perikanan diminta menangani segera isu pencerobohan benih kerang.

Katanya, rondaan secara kerap dan tindakan penguatkuasaan lebih tegas dapat membantaras aktiviti itu daripada terus berleluasa.

"Saya gesa Jabatan Perikanan mendengar keluhan penternak lot kerang yang mengalami kerugian ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perikanan Selangor, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, pihaknya akan menjalankan siasatan lanjut berhubung dakwaan terbabit.

"Kami akan menjalankan risikan dan menangani kegiatan mengambil benih kerang di kawasan terbabit," katanya.

Headline	Fishing boat detained for violating license		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	18 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	3	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	148 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 825
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,476



The fishing boat detained by marine police.

Fishing boat detained for violating license

LAHAD DATU: Marine police (MPF) here apprehended a fishing boat found violating its license term while fishing off Tanjung Malandong waters on Tuesday.

District MPF Commanding Officer, Superintendent Gan Ping Sin said the boat was detained during their operation in the area at about 7 am.

Gan said the boat was held for fishing less than three nautical miles from the shore.

"Following the arrest, we also

seized various types of fish with an estimated weight of about 200 kilogram.

"The arrest and the seizure were later taken to Lahad Datu MPF jetty before they were handed over to the Fisheries Department for further action," he said, adding that the case will be investigated under Section 2(b) of the Fisheries Act 1985.

According to Gan, MPF will not compromise with any parties committing such acts as fishing

near the shore is dangerous to small fishermen as well as the fish and coral ecosystem.

He said all fishermen should comply with the rules and terms when fishing.

He also urged the public, especially the maritime community to convey any information to MPF through WhatsApp at 013-283 1197 (Sabah MPF) or 013-980 8084 (Lahad Datu MPF) to ensure security and public order are always under control.



A vessel caught by MMEA for illegally anchoring in eastern Johor waters. — THOMAS YONG/The Star

Fishermen: Vessels polluting waters



Abd Aziz has to constantly repair or replace his fishing nets because they get damaged by ships' anchors.

> FROM PAGE 1

Danger zones

Big ships illegally anchored in Johor waters have always been a concern for local fishermen.

Southern Johor Fishermen's Association chairman Azli Mohd Aziz said the Marine Department gazetted two areas – one in Tanjung Pengelih waters and the other in Kukup waters – for vessels to anchor.

"We local fishermen call these anchored vessels 'sleeping ships', and we avoid entering the gazetted areas not only because it is difficult to fish there but also to prevent unwanted incidents as our boats are smaller.

"However, whenever we go out to sea, we often see vessels anchored outside the gazetted area and this poses a problem for us," he added.

Azli Mohd said fishermen found it difficult to pull their net when a vessel was "parked" at a



Nurul Hizam says ships illegally anchored in Johor waters have been a problem for the MMEA for many years.

known fishing area.

"Our fishing nets get damaged whenever an anchor falls on top of it and to replace it with a new one is very expensive.

"Not only do the ships' anchors pose a problem to fishermen, there is also the negative environmental impact," he added.

OIL SPILLS IN JOHOR WATERS



Azli said fishermen often found oil spots as well as rubbish floating in the sea because of these vessels.

He added that fishermen had been active in voicing their concerns to the relevant authorities on the matter.

"When we see a vessel anchored outside the gazetted area, we will inform MMEA.

"It is the same thing when we see rubbish or oil slicks in the waters, we will report it to the Department of Environment," he added.

Meanwhile, local fisherman Abd Aziz Abdullah, 58, from Sedili in Kota Tinggi, said he recently spot-

ted several plastic oil containers floating in eastern Johor waters.

"Our livelihood depends on the sea and if the sea is affected due to pollution caused by these vessels, then we must do something.

"When an oil spill hits the coastline, it takes weeks to clean it up, forcing fishermen to stay on the mainland as we are unable to go out to sea," he added.

Abd Aziz said Johor's rich marine ecosystem was at risk if vessels continued flouting maritime laws.

"I am afraid that if the pollution continues, there will not be any fish left in the sea," he added.

Fama selling Moris pineapples at RM1 each to address dumping issue

JASIN: The Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) is helping to sell Moris pineapples from Johor for as low as RM1 each to stop the dumping of the fruits.

Fama board of directors member Datuk Ghazale Muhammad said the sale of the pineapple at such low prices was one of the steps

taken by Melaka and Johor Fama to help affected farmers get some returns.

He said 6,000 Moris pineapples were sold within two hours at the Johor Moris Pineapple Promotion Programme held at the farmers' market in Jalan Rim here.

"We've also made arrangements with local

fruit wholesalers, small and medium industries and agro-based industry entrepreneurs for the preparation of kuih raya and biscuits.

"Various activities involving Moris pineapple-based products were also held, including cooking demonstrations and production of juice," he told reporters after the programme.

According to Ghazale, until last Monday, Johor Fama had bought 118.17 tonnes of Moris pineapples worth RM60,207 and the supply was distributed to Melaka Fama to be marketed by all of the agency's networks, including at agrobazaar shops, fresh fruit stalls and farmers' markets. — Bernama



HAZALE (dua dari kanan) dan Mohd. Azrale (tiga dari kanan) menunjukkan produk tart nanas di Program Promosi Nanas Morris Johor di Pasar Tani Jasin semalam.

Nanas morris RM1 sebiji atasi lambakan

MELAKA – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil langkah proaktif membantu memasarkan nanas morris Johor pada harga RM1 sebiji bagi mengurangkan lambakan bekalan, sekali gus memastikan pekebun terjejas mendapat pulangan hasil yang setimpal.

Inisiatif itu dilaksanakan FAMA susulan isu yang tular di laman media sosial mengenai lambakan nanas morris disebabkan pembatalan pembelian antara pihak pemborong dengan pekebun mengikut jadual pengeluaran ditetapkan sebelum ini.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Muhammad berkata, sehingga 15 Februari lalu, FAMA Jo-

hor telah membeli 118.17 tan metrik nanas morris bernilai RM60,207 dan kuantiti pembelian dijangka akan ditingkatkan sehingga 31 tan metrik melibatkan kos sebanyak RM31,000.

Katanya, bekalan itu turut diagihkan kepada FAMA Melaka untuk dipasarkan di kesemua rangkaian termasuk Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat, gerai buah-buahan segar dan pasar tani negeri ini.

Tambahnya, FAMA Johor telah membuat perancangan pembelian nanas morris bagi Mac depan dengan anggaran kuantiti 71 tan metrik melibatkan nilai belian RM71,000.

Katanya, setakat ini FAMA Melaka berjaya memasarkan 6,000 biji nanas morris Johor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/2/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	7



Ghazale (dua dari kanan) menunjukkan nanas morris Johor yang dipasarkan di Pasar Tani Jasin pada Rabu.

FAMA bantu atasi masalah lambakan nanas

MELAKA - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan memasarkan nanas morris Johor dengan harga RM1 sebiji bagi membantu petani dalam mengatasi masalah lambakan nanas.

Ahli Lembaga Pengarah FAMA, Datuk Ghazale Muhammad berkata, nanas morris Johor itu dijual dengan harga promosi sehingga masalah lambakan bekalan selesai.

Menurutnya, ia akan dipasarkan menerusi medium pasar tani termasuk Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat dan gerai buah-buahan segar.

Katanya, sehingga 15 Februari lalu, FAMA Johor telah membeli 118.17 metrik tan nanas morris bernilai RM60,207 dan kuantiti pembelian dijangka ditingkatkan sehingga 31 metrik tan melibatkan kos sebanyak RM31,000.

“Inisiatif ini susulan isu tular di laman media sosial mengenai lambakan nanas morris disebabkan pembatalan pembelian antara pihak

pemborong dengan pekebun mengikut jadual pengeluaran ditetapkan sebelum ini.

“Jadi FAMA Melaka tidak ketinggalan bersama-sama membantu memasarkan nanas morris di 17 lokasi Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar Rakyat (3), kedai buah-buahan (12) dan pasar tani (12),” katanya pada sidang akhbar Program Promosi Nanas Morris Johor di Pasar Tani Jasin pada Rabu.

Isnin lalu, *Sinar Harian* melaporkan kisah pekebun nanas di Johor yang terpaksa menjual hasil tanaman mereka dengan harga RM1 sebiji bagi mengelakkan kerugian dan lambakan buah ekoran kekurangan permintaan.

Dalam pada itu, Ghazale berkata, pada permulaan isu ini, FAMA juga bekerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dengan mengambil langkah proaktif menawarkan inisiatif bantuan pasaran kepada pekebun terjejas menerusi pembelian bekalan bersama kilang pengetinan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Melaka bantu pasarkan lambakan nanas Johor

JASIN: Melaka mengambil langkah proaktif membantu memasarkan lambakan nanas Morris dari Johor yang dijangka mencecah 76 tan metrik berikutan kelembapan pasaran akibat pelaksanaan Perintah Kawalan dan Pergerakan (PKP) ke sekitar negeri ini.

Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Datuk Ghazalee Muhammad berkata, untuk hari pertama inisiatif itu berjalan, Fama Melaka telah berjaya menjual sebanyak 2.5 tan nanas Morris berkenaan.

Bellau berkata, oleh kerana mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat, sejumlah tiga tan lagi akan dibawa masuk untuk dipasarkan pada keesokan hari.

"Bulan Februari ini dianggarkan 76 tan metrik yang akan dihasilkan daripada pengusaha-pengusaha yang sudah tiba masa untuk dituai.

"Fama Melaka membantu rakan-rakan kita yang ada di Johor supaya kita sama-sama sebagai negeri jiran, saling berganding membantu memasarkan produk hasil tani yang ada di Johor.

"Kita bawa 2.5 tan hari ini (semalam) dalam masa sejam setengah selesai. Kemungkinan esok di pasar tani lain pun akan berlaku begitu. Hari ini (semalam) Fama Melaka telah ambil lagi tiga tan untuk kita pasarkan di pasar-pasar tani hari-hari berikutnya," katanya ketika ditemui pemberita di Pasar Tani Jasin di sini, semalam.

Sebelum itu, Ghazalee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim hadir bagi merasmikan Program Promosi Nanas Morris Johor.

Yang turut hadir Pengarah Fama Melaka, Mohd. Azraie Ramli.

Sistem perparitan MADA bermasalah?

ALOR SETAR: Masalah serangan penyakit dan serangga yang serius pada musim ini bukan satu-satunya punca pengeluaran hasil padi di negeri ini berkurangan berbanding musim lalu.

Sebaliknya, kata Pengerusi Badan Bertindak Petani Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain, sistem pengairan juga menjadi salah satu isu yang perlu diberi perhatian bagi menjamin pendapatan petani.

"Laporan *Utusan Malaysia* mendakwa pengeluaran hasil padi pada musim ini berkurangan antara 15 hingga 20 peratus. Namun, saya menjangkajumlahnya mungkin lebih lagi.

"Bukan hanya isu serangga dan penyakit, sebaliknya sistem

pengairan juga bermasalah di beberapa tempat.

"Ada lokasi didapati sistem pengairannya gagal mengeluarkan air dalam masa singkat menyebabkan padi tenggelam manakala ada sesetengah kawasan pula payah mendapat bekalan air yang cukup," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan mengenai keluhan kesah petani yang mendakwa pengeluaran hasil padi musim ini merosot antara 15 hingga 20 peratus berbanding musim lalu akibat serangan penyakit dan serangga lebih serius.

Menurut para petani tersebut, serangan itu tetap berlaku walaupun mereka mengguna-



CHE ANI MAT ZAIN

teruk pada musim ini, Che Ani berkata, ketahanan benih padi yang digunakan sememangnya mempunyai kaitan dengan kedua-dua perkara merosakkan itu.

"Dalam hal ini, soal pengawasan adalah merupakan perkara utama. Maka, kita tertanya-tanya adakah pemantauan yang bagi meningkatkan hasil padi terutamanya di kawasan MADA tidak berjaya kerana kelihatan-nya seolah-olah hasil di kawasan itu juga merosot," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, MADA perlu berusaha sepatat mungkin bagi memastikan benih padi keluaran mereka, dihasilkan oleh agensi itu sendiri daripada sekadar menjadi pengedar kepada benih-benih dihasilkan kilang lain.

kan benih padi sah dikeluarkan oleh MADA.

Ditanya sama ada kualiti benih menjadi punca kepada serangan penyakit dan serangga yang lebih

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/2/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

RM4.79 billion untuk petani dan penternak



SELAIN dari petani dan nelayan, saya juga telah melawat dua penternak muda di Sabak Bernam semasa sesi *Tinjau MOF*. Seorang daripada mereka adalah penternak lembu dan seorang lagi merupakan penternak kambing biri-biri.

Rasfanjani Mashugi, 33, bermula pada 2009 dengan 15 ekor lembu dan kini menternak hampir 300 ekor lembu. Selain dari ingin mengembangkan perniagaan ke negeri lain, beliau juga menanam hasrat menambah jumlah ternakan di tanah beliau berkeluasan 5 ekar untuk mengeksport daging lembu ke luar negara.

Bagi Zul Ashrafe Abd Ghani, 36, penternak kambing biri-biri, beliau bercita-cita untuk mengembangkan perniagaan sambil membuka peluang kepada anak muda dan golongan berpendapatan rendah menceburi bidang ini. Kini beliau telah membina sebuah bangunan untuk dijadikan sebuah pusat latihan untuk mereka yang ingin memulakan ternakan biri-biri sendiri. Antara penggalak kepada kemajuan Zul Ashrafe dalam bidang ini adalah penerimaan geran Agroprenuer Muda sebanyak RM20,000 pada 2015.

Di bawah Belanjawan 2021, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah diperuntukkan sejumlah RM4.79 billion untuk memperkasa sektor pertanian dan penternakan serta memperkukuh keselamatan makanan negara. Bagi sektor penternakan, kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta khusus untuk projek pertanian dan penternakan berimpak dan bernilai tinggi bagi meningkatkan pengeluaran agromakanan negara.

Besides visiting fishermen and farmers in Sabak Bernam, I also visited 2 young cattle and sheep breeders during my #TinjauMOF session.

Rasfanjani Mashugi, 33, is a cattle breeder who started in 2009 with just 15 cows and now has nearly 300. He hopes to not just expand his business to other states, but also to increase the livestock on his 5 acre farm and export them internationally.

Zul Ashrafe Abd Ghani, 36, a sheep breeder, also aspires to expand his farm as well as to train the youth and low-income group to enter the business. He is currently building a training centre for those who would like to start breeding sheep. Among the catalysts for his success was the RM20,000 Agropreneur Muda Grant in 2015.

Under Budget 2021, Ministry of Agriculture and Food Industries has allocated RM4.79 billion to empower agriculture and livestock sectors, as well as strengthen our nation's food security. For the livestock sector, the Government has specifically allocated RM100 million for high value impact agriculture and livestock projects to increase agrofood production.

YB SENATOR DATO' SRI TENGGU ZAFRUL TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan Malaysia – HARAKHDAILY 17/2/2021

Pengusaha laut dalam rugi lebih RM100 juta, bot tersadai tiada pekerja

Industri perikanan lumpuh

Oleh TOREK SULONG
utusannews@mediamulla.com.my

PASIR PUTEH Industri perikanan laut dalam di Kelantan lumpuh dengan pengusaha menanggung kerugian lebih RM100

juta sejak enam bulan lalu. Ini ekoran kegagalan kira-kira 5,500 awak-awak yang terdiri daripada warga Thailand dan Vietnam kembali semula ke negara ini berikutan penutupan pintu sempadan disebabkan

kan penularan Covid-19. Selain itu, caj permit, ujian Covid-19 dan buku pelaut yang tamat tempoh dan perlu diperbaharui dianggap membebankan pengusaha-pengusaha bot. Pekerja asing mewakili ham-

pir 90 peratus daripada tenaga kerja yang menjangi industri perikanan laut dalam di Kelantan yang diusahakan kira-kira 400 pengusaha bot. Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Kelab Pengu-

saha Bot Laut Dalam Kelantan, Hazim Ramli berkata, bot-bot tidak dapat turun ke laut kerana pengusaha tidak mempunyai pekerja untuk beroperasi.

Bersambung di muka 3



Tersadai

DERETAN bot nelayan kelas C2 tersadai di jeti Tok Bali dekat Pasir Puteh. Kelantan sejak April lalu ekoran ketibaan awak-awak untuk menjalankan operasi menangkap ikan. - UTUSAN/TOREK SULONG (Lagi berita di muka 11)

18/2/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

3

Industri perikanan lumpuh

Dari muka 1

Menurutnya, pengurangan pendaratan ikan di jeti Tok Bali itu turut meninggalkan kesan negatif kepada industri hiliran seperti kilang keropok dan ikan kering menyebabkan ratusan pekerjaanya dibimbangi hilang sumber pendapatan.

Katanya, kira-kira 400 pengusaha bot laut dalam di Kelantan lalu menanggung kerugian mencecah lebih RM100 juta.

"Bayangkan, sekarang hanya 20 bot laut dalam beroperasi di seluruh Kelantan. Di Tok Bali, kita ada kira-kira 100 bot, na-

mun tinggal 10 bot sahaja yang keluar menangkap ikan.

"Masalah ketandusan pekerja ini benar-benar serius dan jika dibiarkan berpanjangan, kesemua 400 pengusaha bot laut dalam di negeri ini bakal gulung tikar," katanya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati deretan bot kategori C dan C2 tersadai berbulan-bulan lamanya di jeti Tok Bali, di sini.

Difahamkan, di bawah prosedur baharu, nelayan dan awak-awak asing jika mahu memperbaharui buku pelaut serta permit bekerja masing-masing perlu memiliki pasport dan

menjalani ujian saringan Covid-19 diikuti proses kuarantin selama 14 hari.

Sementara itu, seorang pengusaha bot, **Nazari Yusof** berkata, dua bot pukut tunda miliknya tersadai sejak empat bulan lalu kerana dia tidak mampu menanggung kos tinggi jika mahu memperbaharui permit nelayan asing.

"Mengikut prosedur baharu ketika musim Covid-19 ini, kos ujian saringan dan kuarantin serta lain-lain caj berkaitan terpaksa ditanggung pengusaha bot sekiranya kami mahu menggunakan tenaga pekerja asing.

"Kos kuarantin 14 hari dan

permit Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dianggarkan RM8,000 bagi setiap pekerja.

"Saya memerlukan sekurang-kurangnya 40 tenaga kerja untuk mengoperasikan sebuah bot pukut jerut laut dalam. Dengan kata lain, saya terpaksa membelanjakan RM340,000 untuk proses ini sahaja," katanya.

Keluh Nazari, sehingga kini dia terpaksa membelanjakan lebih RM15,000 dalam tempoh empat bulan tidak beroperasi untuk menampung kos penyelenggaraan bot, makan minum dan wang saku kepada pekerja kerana direhatkan sementara waktu.

18/2/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

11

**BILANGAN
NELAYAN
TEMPATAN**
(semua kategori)

»Daerah Kota Bharu -
976 orang
»Daerah Pasir Puteh dan
Bachok - **1,547 orang**
»Daerah Tumpat -
1,616 orang
Jumlah: **4,142 orang**

**BILANGAN
NELAYAN
THAILAND**
(semua kategori)

»Daerah Kota Bharu -
110 orang
»Daerah Pasir Puteh dan
Bachok - **3,366 orang**
»Daerah Tumpat -
341 orang
Jumlah: **3,817 orang**

**BILANGAN
NELAYAN NEGARA
LAIN-LAIN**
(semua kategori)

»Daerah Kota Bharu -
Tiada
»Daerah Pasir Puteh dan
Bachok - **1,777 orang**
»Daerah Tumpat -
Tiada
Jumlah: **1,777 orang**

**BILANGAN
NELAYAN
MENGIKUT JENIS
BOT DI KELANTAN**

»Pukat Tunda **2,508**
»Pukat Jerut **3,442**
»Pukat Bilis **59**
»Pukat Tarik **32**
»Pukat Hanyut **2,084**
»Pukat Tangguk **23**
»Bubu **98**
»Nelayan pancing **454**

**BILANGAN
NELAYAN
NELAYAN TEMPATAN:**
4,142 ORANG
NELAYAN ASING:
5,894 ORANG

Jumlah keseluruhan:
9,736

• Perangkaan dibuat setiap 5 tahun (10 tahun dahulu)
• Sumber: Jabatan Perikanan Kelantan

SEBAHAGIAN bot C2 yang tersadai sejak April tahun lalu akibat ketiadaan awak-awak nelayan di Tok Ball, Pasir Puteh, Kelantan.
-UTUSAN/TOREK SULONG

Belia tolak kerjaya nelayan

Oleh **TOREK SULONG**
utlsonnsvs@meekamulia.com.my

PASIR PUTEH: Terpaksa berada di tengah lautan dalam tempoh lama antara dua hingga tiga minggu menjadi antara faktor golongan belia menolak kerjaya sebagai seorang nelayan.

Pengusaha bot laut dalam, **Nazari Yusof** berkata, dia berdepan kekurangan pekerja selepas nelayan dan awak-awak asing gagal kembali ke negara ini akibat pandemik Covid-19.

"Saya tawarkan peluang ke-

pada penduduk tempatan, khususnya golongan belia untuk bekerja sebagai nelayan laut dalam dengan gaji permulaan RM1,500.

"Namun, tidak ada yang berminat. Mereka memberitahu tidak sanggup berada di tengah laut untuk tempoh lama sehingga tiga minggu," katanya.

Sementara itu, bekas nelayan, **Roslan Jali**, 53, berkata, dia meninggalkan pekerjaan itu kerana pendapatan diraih tidak setimpal dengan kudrat yang terpaksa dikerah di samping risiko lain perlu ditempuh ke-

tika berada di lautan.

"Akhir 1990-an, upah diterima saya hanya RM15 untuk tiga hari yang dipanggil sebagai 'bayaran petik' sebelum menerima agihan bulanan tidak lebih RM300 yang dipanggil sebagai 'pendapatan pangong' iaitu sumber wang hasil jualan ikan yang berjaya ditangkap.

"Menjelang tahun 2000, nelayan laut dalam menerima upah RM800 untuk tempoh dua minggu bekerja di laut. Ia masih tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan keluarga, lebih-lebih lagi berlaku

kenaikan barga barangan ketika itu," katanya.

Menurut **Roslan**, selepas lima tahun, dia mengambil keputusan berhenti menjadi nelayan dan memilih untuk bekerja sebagai operator kilang papan sebelum berjaya mengumpul wang untuk mendirikan rumah tangga.

Rakannya, **Ramli Mat Nor**, 50, pula berkata, ketika bekerja sebagai nelayan kira-kira 30 tahun lalu, dia hanya menerima upah sebanyak RM5 untuk tempoh tiga hari bekerja, biarpun memiliki sijil akademik.

Bekalan kurang, harga ikan melambung

BACHOK: Beberapa minggu kebelakangan ini, orang ramai mengeluh apabila harga runcit pelbagai jenis ikan di pasaran tempatan naik melambung hingga mencecah 50 peratus lebih tinggi.

Tinjauan di sekitar daerah ini mendapati, harga ikan popular seperti selayang mencecah RM10 sekilogram, selar papan serta ikan kembung (RM22 sekilogram (kg)), kerisi (RM14/kg) dan tenggiri RM30 sekilogram.

Pada bulan lalu, harga selayang cuma RM8 sekilogram manakala selar papan dan ikan

kembung (RM14/kg), kerisi (RM12/kg) dan tenggiri (RM20/kg).

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, **Saripudin Isah** berkata, bekalan ikan berkurangan menjadi faktor kenaikan harga tersebut, susulan kegagalan sebahagian besar bot kelas C iaitu nelayan laut dalam beroperasi.

"Sekarang ini, banyak bot pukat jerut milik nelayan tempatan Bachok tersadai di Pangkalan Petah kerana kekurangan tenaga kerja selepas nelayan dan awak-awak asing yang diupah mereka

balik ke negara asal.

"Ketika bekalan berkurangan, permintaan terhadap ikan pula meningkat. Ini yang menyebabkan harga ikan melambung tinggi," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah **Saripudin**, berdasarkan perkembangan terkini termasuk pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kelantan, kemungkinan besar harga ikan akan terus melambung tinggi dalam tempoh terdekat.

"Rata-rata nelayan tempatan zon pesisir pantai terikat de-

ngan sistem 'bertauke'. Mereka tolak ikan kepada tauke mengikut pasaran semasa dan tauke pula jual kepada peraih dengan harga bersesuaian.

"Peraih pula terpaksa menjual dengan harga tinggi sedikit bagi menampung kos-ais, penangkutan dan kadar caj sewaan gerai yang turut meningkat sekarang," katanya.

Katanya, orang ramai yang ingin mendapatkan ikan pada harga murah disarankan turun ke jeti pendaratan dan membeli terus ikan daripada nelayan yang baru pulang dari laut.

Kerajaan perlu bantu basmi isu pesawah miskin

SAUDARA PENGARANG,

BARU-BARU ini heboh mengenai isu tanah bendang murah menjadi rebutan kontraktor untuk menjalankan projek perumahan di Kedah. Hal ini disebabkan lebih daripada 35,000 hektar tanah bendang di negeri jelapang padi itu dilaporkan ditebus guna untuk dijadikan kawasan pembangunan komersial dan perumahan.

Berdasarkan laporan tersebut, pihak pemaju lebih gemar membina rumah di kawasan tanah berstatus pertanian khususnya bendang disebabkan harganya lebih murah.

Bagaimanapun, keadaan ini memberi ancaman kepada tahap keselamatan makanan negara. Ini kerana Kedah merupakan pengeluar terbesar padi untuk menghasilkan beras yang merupakan sumber makanan asasi utama di negara ini.

Sebanyak 74 peratus hasil pengeluaran beras negara datang dari Kedah dan Perlis. Jika dihitung daripada keseluruhan pengeluaran beras negara, ia hanya dapat menampung 67 peratus keperluan rakyat.

Jika kawasan sawah berkurang, ia menyebabkan pertambahan beras import bagi tujuan menampung bekalan makanan. Hal ini akan menyebabkan kadar kecukupan diri bagi sektor pengeluaran beras terus menurun pada kadar 60 hingga 70 peratus.

Faktor ekonomi masyarakat di kawasan sawah padi juga menjadi salah satu faktor kenapa perkara ini berlaku. Isu jual tanah bendang yang diwarisi, hasil padi tidak menentu dan kos pengeluaran meningkat

menjadikan pesawah mengambil jalan mudah dengan menjual tanah sawah mereka dan menggantikannya dengan tanah baharu di kawasan desa yang mana harganya lebih murah. Hasil jualan digunakan bagi tujuan menampung kehidupan, pengajian anak dan perubahan.

Justeru, kebajikan pesawah khususnya dalam kalangan B40 mestilah dibincang secara tuntas melalui harga sewa tanah sawah yang semakin jatuh dan tekanan ekonomi.

Sekiranya kehidupan mereka ditambah baik dan disokong dengan undang-undang yang mengawal tebus guna tanah pertanian sawah yang lebih tegas, masalah ini akan dapat diatasi demi kelangsungan jaminan makanan masa depan negara.

Kerajaan Persekutuan diharapkan dapat memberi sokongan dalam bentuk insentif tunai kepada kerajaan negeri dalam menjayakan agenda mengekalkan sawah padi di Kedah untuk kelangsungan makanan negara melalui Pelan Pembangunan Kedah 2035.

Melalui insentif ini, ia dapat membantu kerajaan negeri dalam membangunkan sektor ekonomi baharu bagi tujuan meningkatkan pendapatan rakyat termasuk golongan pesawah bagi memacu pertumbuhan ekonomi Kedah yang kini antara terkebelakang jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

MOHD. FAISAL MUSTAFFA

Pengarah Pusat Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Asnaf Kedah



ISU tanah bendang murah menjadi rebutan kontraktor untuk menjalankan projek perumahan di Kedah perlu perhatian serius daripada kerajaan agar nasib pesawah terbelak. - GAMBAR HIASAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/2/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	S1

Pembentung rosak musnah tanaman

PASIR SALAK: Kerosakan pembentung pempuang air menyebabkan aliran air dari sungai berdekatan masuk ke kawasan tanah yang diusahakan penduduk dengan tanaman dan sayur serta ternakan.

Itu yang dialami penduduk di Kampung Pengkalan Ara di Chenderong Balai dekat sini apabila pembentung pempuang air di Parit 5 di kawasan mereka tidak dapat menghalang aliran air sungai daripada memasuki kawasan pertanian dan ternakan yang mereka usahakan dalam kejadian banjir baru-baru ini.

Akibat kerosakan pembentung berkenaan, air dari Sungai Kinta dan Sungai Keroh masuk sehingga menjejaskan kawasan pertanian penduduk.

Penduduk di situ mengusahakan tanaman nanas, sayur-sayuran, kelapa sawit dan ta-



PENDUDUK menunjukkan pembentung pempuang air yang rosak yang menjadi punca kejadian banjir di Chenderong Balai di sini semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

pak semaian pokok limau serta ada penternak lembu yang kematian dan kehilangan ternakannya.

Aliran air yang masuk ke kawasan tersebut semasa banjir

Seorang petani, Zakaria Saadin, 65, berkata, air banjir memasuki kawasan ladang yang diusahakan penduduk disebabkan pintu pada pembentung pempuang air yang rosak.

Menurutnya, sepatutnya pintu air berkenaan secara automatik akan tertutup jika paras air melepasi tahap tinggi.

“Kesan banjir yang melanda kawasan ini baru-baru ini masih terasa kerana masih ada air yang bertakung sehingga ke hari ini juga merosakan tanaman yang diusahakan penduduk,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, banjir yang berpunca daripada kerosakan pembentung pempuang air menyebabkan itik yang diternakinya terlepas sebanyak beberapa ratus ekor.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/2/2021	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG/ KEDAH	24

Covid-19: Komuniti nelayan ternak ketam nipah

FOTO: BERNAMA

LANGKAWI - Sektor pelancongan di pulau bebas cukai ini yang terkesan akibat Covid-19 turut memberi kesan kepada nelayan di Kubang Badak, kira-kira 30 kilometer dari Bandar Kuah.

Tidak mahu terlalu 'bersehid' dengan keadaan tersebut, mereka segera menceburi bidang penternakan ketam nipah sebagai satu lagi cabang pendapatan Koperasi Nelayan Sungai Kubang Badak Langkawi Berhad.

Pengerusinya, Rusasmizal Mohd Ghazali berkata, projek ternakan ketam nipah itu bermula sejak Mac tahun lalu, apabila sebuah kolam dibina di sebidang tanah seluas 0.2 hektar milik seorang anggota koperasi tersebut.

"Ketam nipah mengambil masa 90 hari sebelum sesuai untuk dijual, setiap seekor ketam nipah boleh mencecah berat lebih 500 gram seterusnya dijual pada harga RM40 hingga RM70 sekilogram mengikut saiz.

"Sejak beroperasi hampir setahun sudah tiga kali



Rusasmizal menunjukkan sebahagian ketam nipah dilternak di sebuah kolam di Kubang Badak kira-kira 30 kilometer dari bandar Kuah.

kami tuai hasilnya, dengan nilai jualan dianggarkan kira-kira RM8,000," katanya baru-baru ini.

Sebagai rekod, koperasi yang dianggotai 72 ahli itu menawarkan pakej menelusuri sungai hutan paya bakau, bagi melihat 12 geotapak yang memiliki keunikan warisan geologi, biologi dan budaya di Biogeotrail Kubang Badak, namun kini pendapatan koperasi tersebut terjejas, akibat pandemik Covid-19.

Mengulas lanjut, Rusasmizal turut juga mengakui nilai kos yang dikeluarkan RM60,000 itu belum beri pulangan, namun tetap optimis dengan potensi besar yang dimiliki projek tersebut.

"Ketika ini jualan tertumpu kepada penduduk tempatan, kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan pergerakan rentas negeri dan daerah tidak dibenarkan," katanya.

- Bernama

Fishermen turn to crab-breeding

Langkawi co-op sees huge potential

LANGKAWI: Fishermen in Kubang Badak here have cast their nets wider to venture into breeding nipah crabs to supplement income affected by the Covid-19 pandemic.

The nipah crab breeding project started in March last year, with a pond constructed on a 0.2ha plot of land owned by a member of the cooperative, said Koperasi Nelayan Sungai Kubang Badak Langkawi Bhd chairman Rusasmizal Mohd Ghazali.

"Nipah crabs take 90 days before they can be sold. Each nipah crab can weigh more than 500g and can be sold at RM40 to RM70 per kilogramme depending on the size.

"Having operated for almost a year, we have reaped the results three times, with an estimated sales value of about RM8,000," he said in a recent interview.

Rusasmizal said the cost incurred was

about RM60,000, but he was optimistic about the huge return potential of the project.

"Currently, we are focused on selling the crabs to locals because the movement control order does not allow inter-district or inter-state travel.

"Apart from selling the crabs directly to customers, we are building the 'Mi Ketam Kubang Badak' brand so that in future tourists who come to Kubang Badak will stop by to try the dishes offered," he said.

The village is about 30km from Kuah Town. The 72-member cooperative had previously offered packages to explore the mangrove forest by boat, to see the 12 geosites that have a unique geological, biological and cultural heritage in the Kubang Badak Biogeotrail, but now these activities have also been affected by the Covid-19 pandemic. — Bernama



Thinking outside the box: Rusasmizal showing one of the nipah crabs that are being reared in a pond in Kubang Badak, Langkawi. — Bernama